

20 Oktober, 1981

UMNO pimpinan Dr. M tak memerlukan 'kaki2 bodek'

BALING, Isnin — UMNO di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak memerlukan "kaki-kaki bodek" kata Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar, Encik Sanusi Junid semalam.

Katanya, stail pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam mempunyai matlamat memelihara parti, bukan memelihara kepentingan individu.

Bellau berkata demikian sewaktu merasmikan forum politik anjuran UMNO Bandaran dengan kerjasama UMNO Bahagian Baling di Dewan Tun Razak di sini.

Menurut Encik Sanusi, bila soal individu diketepikan bererti pucuk

pimpinan parti tidak mahu lagi mendengar atau melihat perpecahan sesama sendiri berlaku.

Katanya UMNO Baling mesti mengkaji sejarah masa lalunya bagi memastikan kejayaan masa depan.

Bellau menegaskan, pemimpin di peringkat kebangsaan akan kerap mengadakan kunjungan ke daerah itu kelak.

Bagaimanapun, katanya kunjungan-kunjungan itu hanya akan diberitahu kepada pihak di Baling dalam tempoh yang paling singkat sekali.

Cara ini dilakukan, kata Encik Sanusi kerana para pemimpin tersebut tidak mahu lagi mendengar "taklimat-taklimat bohong" di masa akan datang.